

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KEDAI AYAMAS SDN. BHD.
(GAWANGAN MENTAKAB)

ABU HURAIRAH BIN HASHIM
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

CH:2840

1100044974

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



L1 FPE 4 2005



1100044974

Laporan akhir latihan industri di Kedai Ayamas Sdn. Bhd. / Abu Hurairah Hashim.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berdasarkan kepada teori dan pengetahuan yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri (smakan). Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

3

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI KEDAI AYAMAS SDN.BHD (CAWANGAN MENTAKAB)

Oleh
ABU HURAIRAH BIN HASHIM
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


2005

1100044974

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya Abu Hurairah Bin Hashim (UK7946), mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



Nama: Abu Hurairah Bin Hashim

Tarikh: 14 hb. November 2005

Di sahkan oleh :



Khatijah Omar
Lecturer

..... Department of Management and Marketing
Faculty of Management and Economics

Penyelia KUSTEM University College of Science and Technology Malaysia
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpahNya dapat saya menyiapkan laporan dan menamatkan Latihan Industri ini di Kedai Ayamas cawangan Mentakab,Pahang Darul Makmur ini dengan jayanya. Malah dengan nikmat kesihatan yang diberikanNya telah membolehkan saya menghadirkan diri sepanjang latihan saya.

Sememangnya jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana membenarkaan saya menjalani latihan industri ini. Malah pengenalan dan pendedahan yang diberikan ini amat bermakna buat saya. Tidak lupa juga buat penyelaras latihan industri En. Ahmad Rusdi b. Abdullah, penyelia latihan industri Puan Khatijah Binti Omar, pensyarah-pensyarah serta semua kakitangan KUSTEM kerana banyak membantu saya sebelum serta semasa menjalani latihan industri.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada pengurus dan staf-staf di Kedai Ayamas Mentakab,Pahang yang telah banyak memberikan bimbingan serta tunjuk ajar kepada saya semasa menjalani latihan industri di syarikat ini. Sememangnya segala nasihat, tunjuk ajar serta segala ilmu yang dicurahkan tidak sesekali akan saya lupakan.

Terima kasih juga saya ucapkan buat ibu bapa saya, ahli keluarga serta teman-teman setia kerana banyak memberi nasihat dan perangsang sepanjang saya menjalani latihan ini. Sesungguhnya segala jasa dan sumbangan yang kalian hulurkan tidak dapat saya membalaunya dan kepada Allah sahaja saya berserah. Amin.....

Sekian, Terima Kasih.

Selayang Pandang

Program Latihan Industri ini merupakan salah satu syarat wajib bagi kesemua pelajar program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) untuk memenuhi enam jam kredit dalam semester lima. Para pelajar digalakkan mencari sendiri tempat latihan industri. Bagi memenuhi syarat tersebut, saya telah memilih untuk menjalani latihan industri di sebuah syarikat yang terletak di Mentakab, Pahang iaitu Kedai Ayamas Mentakab bermula pada 21 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005 iaitu lebih kurang selama 12 minggu.

Latihan industri ini bertujuan untuk memberi gambaran yang sebenar dan pendedahan awal kepada para pelajar tentang alam pekerjaan yang akan mereka lalui selepas tamat pengajian di KUSTEM. Ilmu atau teori yang dipelajari akan dipraktikkan secara berkesan dimana ianya akan digunakan secara praktikal dalam situasi kerja sebenar. Disamping itu juga, pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar membuatkan saya lebih matang dan berkeyakinan dalam membuat sesuatu keputusan.

Ketika menjalani latihan industri, saya telah diberi pelbagai tugas atau latihan yang berkaitan dengan kursus yang diambil di KUSTEM. Selain itu juga, saya dapat mempelajari bagaimana cara-cara berkomunikasi secara baik dan

berkesan dengan pelanggan, pihak pengurusan, dan juga rakan sekerja. Sememangnya latihan industri ini banyak memberi manfaat, kebaikan dan pengalaman yang berguna kepada saya untuk saya mempraktikkannya pada masa akan datang.

SENARAI ISI KANDUNGAN

Mukasurat

Senarai Rajah

Ringkasan Eksekutif

BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI

1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Latarbelakang Ayamas Food Corporation Berhad	1
	(Kedai Ayamas Cawangan Mentakab)	
1.1.2	Matlamat Kedai Ayamas	5
1.2	Maklumat Organisasi	7
1.2.1	Kedai Ayamas Cawangan Mentakab	8
1.2.2	Kekuatan Kedai Ayamas	9
1.2.3	Logo Syarikat	10
1.3	Carta Organisasi	12
1.4	Aktiviti Organisasi	13
1.5	Kemahiran Yang Dipelajari	18
1.5.1	Lain-lain Kemahiran	20

BAB 2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1	Penemuan Di Bahagian Pemasaran	21
2.1.1	Sistem Promosi	22
2.1.2	Mengenalpasti Masalah	26
2.1.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	28
2.1.4	Cadangan Penyelesaian	30
2.1.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	32
2.2	Penemuan Di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	33
2.2.1	Sistem Kerjaya dan Latihan Kemahiran Pekerja	34
2.2.2	Mengenalpasti Masalah	38
2.2.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	41
2.2.4	Cadangan Penyelesaian	43
2.2.5	Perlaksanaan cadangan dan Implikasi	46
2.3	Penemuan Di Bahagian Teknologi Maklumat	47
2.3.1	Sistem Pangkalan Data	48
2.3.2	Mengenalpasti Masalah	51
2.3.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	53
2.3.4	Cadangan Penyelesaian	54
2.3.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	56

3.1 Kesimpulan

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

	Mukasurat
Gambarajah 1.1	Kedai Ayamas Sdn.Bhd
Gambarajah 1.2	Logo Ayamas
Gambarajah 1.3	Kawasan Pemiagaan
Gambarajah 1.4	Carta Organisasi Kedai Ayamas
Gambarajah 2.1	Carta Aliran Sistem Promosi
Gambarajah 2.2	Carta Aliran Sistem Kerjaya dan Latihan Kemahiran Pekerja
Gambarajah 2.3	Carta Aliran Sistem Pangkalan Data

RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti pengurusan Dan Ekonomi (FPE) telah diwajibkan selama tiga bulan untuk menjalani latihan industri. Selama tiga bulan menjalani latihan industri, Kedai Ayamas Sdn.Bhd cawangan Mentakab menjadi pilihan. Kedai Ayamas merupakan sebuah organisasi penting di dalam negara yang menyediakan peruncitan dan perkhidmatan produk berasakan ayam yang terpenting di negara. Oleh itu, selama tiga bulan menjalani latihan industri pelatih telah didedahkan dengan pelbagai pendedahan termasuklah untuk menjadi seorang pekerja yang berdedikasi.

Sepanjang menjalani latihan industri ini, pelatih telah didedahkan kepada beberapa pendekatan supaya segala tugas yang diberikan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Salah satu pendekatan yang biasa dilakukan oleh pelatih adalah berkaitan dengan sistem jualan dan promosi. Pelatih telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan segala arahan yang diberikan oleh pengurusan organisasi untuk diselesaikan. Sepanjang menjalani latihan ini pelatih telah menemui beberapa sistem yang boleh dimuatkan di dalam laporan akhir pelatih nanti. Antara sistem yang telah ditemui oleh pelatih adalah sistem Promosi, Sistem Kerjaya dan Latihan Kemahiran Pekerja dan juga sistem Pangkalan Data. Pelatih juga menemui beberapa kelemahan yang boleh dibincangkan di dalam laporan akhir untuk dijadikan rujukan beberapa pihak.